

July 2017



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

74

th
ISSUE

info *kampus*

UiTM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's
youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

EDITORIAL BOARD



Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR



Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR



Roselind Wee
CHIEF EDITOR
(ENGLISH)



Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)



Aiza Johari
EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)



Azlina Ghazali
EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)



Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR
(BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)



Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)



Ardiana Mazwa Raudah
Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)



Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)



Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER



Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

Bengkel Teaching Portfolio & Course File UiTM Kampus Mukah (Staf Akademik)

Oleh: Imelia Laura anak Daneil

Bengkel *Teaching Portfolio/Course File/Self-Review Report & Self-Review Report* dan Bengkel 5S yang dianjurkan oleh Unit Kualiti Kampus Mukah telah diadakan serentak di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada 11 hingga 12 Mei 2017 bertempat di Dewan Tellian dan Dewan Judan. Bengkel *Teaching Portfolio* dan *Course File* yang telah diadakan pada 11 Mei 2017, bermula pada jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang ini telah mensasarkan seramai 35 orang pensyarah dari semua fakulti di Kampus Mukah. Bengkel ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang keperluan *Teaching Portfolio* untuk setiap kod yang diajar. Penceramah yang dijemput dari Kampus Samarahan iaitu Cik Dayang Nazari selaku Ketua Sistem Audit UiTM Cawangan Sarawak telah menyampaikan ceramah beliau mengenai kepentingan *Teaching Portfolio* dan *Course File* khasnya untuk audit PROPENS di masa kelak. Sesi petang bengkel diteruskan dengan pengenalan kepada *Code of Practice for Program Accreditation (COPPA)* dan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)* kepada peserta bengkel.

Pada hari kedua, 12 Mei 2017, sesi bengkel diteruskan dengan pengenalan kepada *Self-Review Portfolio & Self-Review Report* khas untuk staf Kampus Mukah yang telah disampaikan oleh Encik Yussri Sawani selaku Ketua Pasukan Audit.

Majlis Penyerahan Simbolik Dokumen *Self-Review Portfolio & Self-Review Report* oleh Cik Dayang Nazari kepada Wakil Penolong Rektor, Encik Mohamad Musa Bin Bohari



Bengkel SRR/SRP di Makmal Komputer Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP)

Bengkel Audit Amalan 5S UiTM Kampus Mukah

Oleh: Imelia Laura anak Daneil



Bengkel Amalan Audit 5S di Dewan Tellian, 11-12 Mei 2017 oleh Puan Noor Shima Antony selaku Penyelaras 5S UiTM Cawangan Sarawak

Pada 11 hingga 12 Mei 2017, Unit Kualiti UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah turut mengadakan bengkel Audit Amalan 5S kepada semua warga Kampus Mukah bagi persediaan menghadapi audit sebenar kelak. Bengkel ini mensasarkan penglibatan semua staf sokongan dan para pensyarah yang terlibat secara langsung dengan amalan 5S. Hari pertama bengkel melibatkan penceramah jemputan dari UiTM Kampus Kota Samarahan iaitu Puan Noor Shima Antony selaku Penyelaras 5S UiTM Cawangan Sarawak, yang telah membuat lawatan ke semua zon bagi mengenalpasti zon-zon yang perlu memantapkan lagi amalan 5S. Pada hari kedua, Puan Noor Shima Antony telah membuat rumusan hasil dapatan audit kepada semua warga kampus Mukah bagi tujuan penambahbaikan. Bengkel tamat pada jam 5.00 petang pada 12 Mei 2017.

Hari Mesra Pelanggan PTAR SARAWAK 2017

Oleh: Abang Mohd. Farizan Abang Yakup dan Zuraidda Abdul Karim


Sekali lagi tarikh 21, 22 dan 23 Februari 2017 menyaksikan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak berjaya menganjurkan Hari Mesra Pelanggan PTAR Sarawak 2017. Hari Mesra Pelanggan PTAR Sarawak 2017 ini dikelolakan oleh staf Perpustakaan dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa UiTM Sarawak telah diisi dengan berbagai program, pameran dan aktiviti bersama pengunjung.

Objektif utama penganjuran Hari Mesra Pelanggan PTAR Sarawak 2017 adalah untuk memberi pendedahan kepada pengunjung akan peranan serta perkhidmatan yang disediakan oleh PTAR khususnya kepada para pelajar dan masyarakat luar amnya.

Antara aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah pameran koleksi-koleksi Perpustakaan, pameran daripada agensi-agensi luar seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Unit Kesihatan UiTM Cawangan Sarawak yang turut mengadakan sesi pemeriksaan kesihatan menambah lagi kemeriahan program ini. Permainan dalam seperti karom, dart, batu seremban, jengkek serta Go Goal turut diadakan pada hari tersebut.

Program ini dirasmikan oleh YB Puan Rubiah Bt Haji Wang, Ahli Parlimen Kota Samarahan dan diiringi PM Hajah Rasidah Bt Haji Mahdi, Timbalan Rektor (Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Alumni) UiTM Cawangan Sarawak. Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Sarawak, Puan Norhayati Bt Ismail, Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Nor Amiruddin Bin Mokhtaruddin, Ketua Unit Kesihatan UiTM Cawangan Sarawak, Dr. Kamarudin Bin Jara'ee, para pensyarah serta pelajar.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my